From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Wednesday, 13 July, 2022 10:11:08 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Dan LZNK Perkemas Kerjasama Dalam Pembangunan Ummah

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

13 JULAI 2022 / 13 ZULHIJJAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

UUM DAN LZNK PERKEMAS KERJASAMA DALAM PEMBANGUNAN UMMAH



UUM ONLINE: Bagi memperkasakan lagi pembangunan ummah khusus dalam bidang ekonomi, Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) terus memperkemaskan kerjasama sedia ada menerusi perbincangan yang diadakan di Bilik Mesyuarat Naib Canselor, semalam.

Perbincangan hampir dua jam itu melibatkan Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah dan Ketua Pegawai Eksekutif LZNK, Dato' Syeikh Zakaria Othman bersama-sama pegawai kanan UUM dan LZNK.

Haim Hilman berkata, pertemuan tersebut menjadi titik tolak untuk fasa berikut antara UUM dengan LZNK dengan satu matlamat iaitu membangunkan ummah.

Menurutnya, beliau mahu UUM dan LZNK bekerjasama mengadakan program dan pada masa sama memperkemaskan lagi program LZNK sedia ada dengan kerjasama universiti agar ianya dapat diperkukuhkan lagi.

"Kedua institusi ini mempunyai perjuangan besar yang perlu dilakukan bersama demi agama dan negara. Kita akan bersama-sama menggerakkan agenda berkaitan komuniti.

"UUM dan LZNK telah dipilih Allah untuk menjadi sebahagian cerita pembangunan ummah ini. Kita mahu mendidik rakyat menerusi dua institusi ini bukan semata-mata dalam akademik, sebaliknya mereka mendapat

sentuhan daripada dua institusi besar di Kedah dalam usaha untuk membantu rakyat di negeri ini khususnya," katanya.

Tambah Haim Hilman, kehebatan sesuatu perkara itu bermula dengan idea 'gila' atau pemikiran di luar kotak.

Tambah beliau lagi, UUM dan LZNK harus berfikir atau mencari resolusi bagaimana untuk mengembalikan ekonomi orang Islam, seterusnya mengekalkan penguasaan ekonomi tersebut, justeru UUM akan memainkan peranan dalam bidang penyelidikan manakala LZNK akan menguruskan bahagian pengoperasian.

Dalam pertemuan itu jugau, Haim Hilman telah menjelaskan tentang sembilan peluang kolaborasi yang boleh dilaksanakan antara kedua pihak menerusi program Mentor, Ambassador, Thinker, Bijak, Mekar, Ikhlas, Emas, Pasak dan Paksi.

Sementara itu, Zakaria merakamkan ucapan tahniah di atas kesudian UUM membuka laluan kerjasama dengan LZNK.

Menurutnya, beliau berharap UUM dapat meneruskan kecemerlangan universiti dan bersama-sama memikirkan cara menjadikan ummah cemerlang dengan sentuhan UUM dan juga LZNK.

Katanya, kedua institusi ini mempunyai wadah yang sama iaitu membangunkan ummah, justeru ia memerlukan kesungguhan dengan hala tuju, dasar dan bidang tugas yang jelas.

Sepanjang sesi perbincangan itu, Zakaria turut berkongsi perkembangan semasa dan pembaharuan dibawa LZNK yang banyak membantu golongan asnaf terutama dalam bidang pendidikan.

Beliau turut berkongsi tentang tiga sekolah agama yang diambil alih LZNK untuk dibangunkan, membantu anak orang asli di Ulu Legong, Baling untuk belajar ilmu agama dan juga mewujudkan Zon Pembangunan Ekonomi Ummah bagi membantu golongan pesawah.

"Tidak akan berhasil usaha yang dilaksanakan ini jika dilakukan sendirian, sebaliknya ia perlu dilakukan secara bersama dan LZNK telah mendapat kerjasama daripada penyelidik UUM.

"Saya berharap UUM akan terus bersama LZNK dan dapat berkongsi kepakaran dimiliki demi membangunkan ummah kita," katanya.



Please consider the environment before printing this e-mail

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.